

26 AUG 1999

Mahathir-Makanan

MAHATHIR SARAN IPT WUJUD PROGRAM IJAZAH PENGURUSAN PERTANIAN

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan supaya institut pengajian tinggi (IPT) tempatan memperkenalkan program ijazah dalam bidang pengurusan pertanian dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran barangan makanan dalam negara.

Perdana Menteri berkata jika negara dapat mengeluarkan sumber makanannya sendiri, ia dapat mengurangkan pengimportan barangan tersebut.

"Sudah tiba masanya untuk kita mengusahakan pengeluaran barangan makanan secara besar-besaran," kata beliau ketika merasmikan sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan serta Ekspo dan Konvensyen Pertanian Asia (AGEX) 1999 di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, selain ladang getah dan kelapa sawit, para petani dan peladang juga dapat mewujudkan estet yang dapat mengeluarkan barangan makanan secara besar-besaran.

Beliau berkata, melalui pengenalan program ijazah berkenaan, negara dapat mengeluarkan tenaga pekerja yang mahir dan cekap dalam menguruskan estet tersebut.

"Saya percaya jika ini berlaku, pengusaha-pengusaha kecil akan dapat menjadi pemegang saham dalam estet berkenaan," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan menyedari bahawa tidak banyak pengusaha kecil yang mempunyai modal dan kecekapan untuk membuka kilang bagi mengeluarkan barangan makanan pertanian secara besar-besaran.

Dr Mahathir menyarankan supaya mereka "menumpang" atau menggunakan khidmat kilang-kilang yang berdekatan dengan tanah pertanian mereka.

"Masanya telah tiba untuk kita mengkaji semula peranan kita dalam bidang pertanian," kata beliau, merujuk kepada pengusaha kecil berkenaan.

Beliau berkata pengusaha ladang-ladang getah, kelapa sawit dan koko dapat meraih keuntungan atau pendapatan yang lumayan kerana mempunyai modal yang mencukupi serta kemahiran dalam menguruskan ladang mereka.

Jika mereka boleh melakukannya, pengusaha makanan pertanian yang kini menjalankan operasi mereka secara kecil-kecilan, juga boleh berkembang dan mampu mewujudkan ladang-ladang, kata Dr Mahathir.

"Saya yakin kalau kita mengadakan pertanian secara besar-besaran, kita tidak akan menjadi miskin. Anda akan mendapat pendapatan yang lumayan," kata beliau kepada lebih 5,000 peladang, penternak dan nelayan dari seluruh negara yang menghadiri majlis itu.

Dr Mahathir berkata jika hasil pertanian, khususnya makanan dapat dipertingkatkan, ia akan membantu pembangunan ekonomi negara.

"Sekarang kita banyak bergantung kepada barang-barang keperluan yang diimport. Harga naik sepanjang masa dan ini akan membawa kepada inflasi," katanya.

Beliau berkata sebahagian besar daripada barangan import itu ialah makanan.

Jika pengimportan barangan makanan dapat dikurangkan, kadar inflasi juga dapat dikurangkan, kata beliau.

"Oleh itu amat penting bahan makanan dikeluarkan di negara sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata cadangannya supaya pengeluaran barangan makanan dilakukan secara besar-besaran bukan sahaja akan menguntungkan negara tetapi pengusaha kecil.

"Kita tidak mahu petani menjadi kumpulan yang miskin. Kita mahu mereka mendapatkan bahagian mereka dalam kekayaan negara," kata Dr Mahathir.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan mengetepikan peranan pertanian dalam pembangunan negara walaupun negara telah memasuki bidang perindustriaan dan sedang melangkah ke era teknologi maklumat.

"Kita sedar terdapat sebilangan besar rakyat kita yang miskin di kalangan peladang, penternak dan nelayan. Keadaan ini tidak menyenangkan kerajaan," kata beliau.

Sementara itu, dalam kata-kata aluannya pada buku cenderamata Hari Peladang, Penternak dan Nelayan 1999, Dr Mahathir berkata dalam usaha untuk memajukan lagi pembangunan sektor pertanian, adalah perlu sektor itu membuat perubahan dan bersedia menangani cabaran alaf baru terutamanya dalam menghadapi liberalisasi perdagangan dunia dan perubahan teknologi.

"Dalam hubungan ini, saya berharap semua pihak yang terlibat akan mempelajari dan menerima pakai kaedah pengurusan ladang, pembangunan produk-produk baru dan teknologi pertanian yang diubahsuai untuk menepati keperluan dan keadaan tempatan bagi meningkatkan lagi produktiviti serta hasil sektor pertanian," kata beliau.

Dr Mahathir kemudian melawat tapak pameran teknologi pertanian serta jualan dan promosi pertanian.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pertanian Datuk Dr Sulaiman Daud, menteri-menteri Kabinet lain dan para anggota Exco pertanian negeri.

-- BERNAMA
ES NMO